



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**MAJLIS APRESIASI "SEMURNI USAHA" BERSAMA RAKAN-RAKAN
STRATEGIK INSTITUT SOSIAL MALAYSIA**

**BALLROOM MANHATTAN III, HOTEL BERJAYA TIMES SQUARE
30 NOVEMBER 2023 (KHAMIS) | 3.00PM**

Kemas kini 29 November 2023

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Sarawak Maju Makmur
dan Salam Malaysia Madani.

(SALUTASI)

LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya, kita dapat bersama dalam **MAJLIS APRESIASI “SEMURNI USAHA” BERSAMA RAKAN-RAKAN STRATEGIK INSTITUT SOSIAL MALAYSIA (ISM)** pada petang ini.
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan kepada **Institut Sosial Malaysia (ISM)** atas penganjuran Majlis Apresiasi yang sangat bermakna dan julung kali diadakan ini.

3. Bertepatan dengan nama majlis ini iaitu “Semurni Usaha”, saya percaya semua kerjasama yang sedia terjalin sudah pastinya datang daripada kemurnian dan suci hati semua pihak yang berada di sini pada petang ini.

4. Bagi pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih serta mengalu-alukan kehadiran semua tetamu khususnya jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan, Pertubuhan

Bukan Kerajaan (NGO), Ahli Akademik dan wakil-wakil Institusi Pengajian Tinggi dan semua pihak yang sentiasa memberikan kerjasama serta sokongan padu kepada ISM. Tidak ketinggalan juga kepada seluruh warga kerja ISM yang turut bersama-sama pada petang ini.

YBhg. Dato-Dato', Datin-datin, puan-puan dan tuan-tuan,

5. Majlis ini bertujuan untuk menggalakkan interaksi dan memberi penghargaan kepada mereka yang bekerjasama dengan ISM, terutamanya dalam memperkuatkan jaringan.

Ia juga bertujuan untuk membantu dalam pembangunan dan peningkatan dasar, peranan, fungsi, misi, dan visi ISM, khususnya untuk jangka panjang. Kerjasama ini amatlah penting bukan sahaja untuk kejayaan program-program Kementerian, tetapi untuk mengalakkan kepelbagaian pihak dalam membuat keputusan dan merancang untuk masa depan KPWKM.

6. Justeru, ISM yang merupakan salah sebuah agensi di bawah KPWKM yang menjalankan fungsi sebagai sebuah Institut

Latihan Awam (ILA) turut tidak ketinggalan melipat gandakan usaha untuk terus menjalinkan kerjasama dengan pelbagai pihak. Bagi tahun 2023, sejumlah 78 aktiviti kerjasama telah dijalankan oleh ISM khususnya yang melibatkan pelbagai program seperti bengkel, kursus dan latihan, kajian dan penerbitan dengan penglibatan pelbagai pihak seperti Intitusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Jabatan dan Agensi Kerajaan, pelbagai persatuan dan pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) dan tidak ketinggalan individu serta orang perseorangan.

YBhg. Dato-Dato', Datin-datin, puan-puan dan tuan-tuan,

7. Sepanjang tahun 2023, sebanyak 74 kursus dan latihan, 4 kajian dan 8 penerbitan telah dilaksanakan dan dihasilkan oleh ISM. Saya difahamkan sejumlah 86,624 orang peserta telah menyertai pelbagai latihan dan kursus termasuk wacana ilmu seperti *ISM Executive Talk*, *Social Talk*, Kolokium Penyelidikan Sosial dan Dialog Profesion Kerja Sosial.

8. Selain itu pelbagai seminar dan persidangan juga telah diadakan seperti Seminar Pembangunan Profesion Berterusan (CPD), Persidangan Kerja Sosial Kebangsaan (PESAN) dan Sidang Kemuncak Kerja Sosial Kebangsaan yang melibatkan kolaborasi dengan pelbagai IPTA seperti Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan *Malaysian Association of Social Workers (MASW)*.
9. Program wacana ilmu seperti *Social Talk* dan *Executive Talk* pula telah mendapat kerjasama dan penglibatan dalam

kalangan pelbagai tokoh dan individu penting di negara ini seperti YB. Fadhlina Sidek – Menteri Pendidikan Malaysia, YBhg. Tan Sri Abdul Wahid Omar – Pengerusi Bursa Malaysia Berhad, YBhg. Tan Sri Dato' Sri Syed Zainal Abidin Syed Mohd Tahir – Pengerusi Eksekutif Kumpulan Dagang NeXchange Bhd. dan beberapa nama besar yang lain.

10. Pada tahun 2023 ini juga, ISM telah melaksanakan tiga puluh satu (31) Program Kejurulatihan Antigangguan Seksual dalam usaha memberikan kefahaman dan kesedaran tentang kepentingan dan kegunaan Akta Antigangguan Seksual

(AAGS) yang meliputi bengkel, program *town hall* dan seminar pemantapan. Ia juga merupakan sebahagian daripada usaha untuk melahirkan lebih ramai individu yang berperanan sebagai ejen bagi membantu hasrat Kerajaan untuk menyebarkan pengetahuan dan kesedaran dalam kalangan masyarakat lebih-lebih lagi berkaitan advokasi antigangguan seksual di seluruh negara.

11. Pelaksanaan bengkel ini telah mendapat kerjasama dan penyertaan daripada pelbagai pihak seperti Jabatan dan

Agensi Kerajaan di peringkat Persekutuan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seluruh negara, badan-badan beruniform, kumpulan pensyarah dan ahli akademik serta para pelajar institusi pengajian tinggi, institusi pendidikan dan latihan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Kesihatan Malaysia. Malah, bengkel ini juga telah turut disertai dan mendapat kerjasama pelbagai Badan Bukan Kerajaan, sukarelawan dan komuniti. Sehingga bulan November 2023,

sejumlah 1,570 orang peserta telah menyertai bengkel-bengkel yang dianjurkan di seluruh negara.

12. Dalam usaha meningkatkan kapasiti modal insan warga kerja, ISM telah menjalin kerjasama di peringkat antarabangsa dengan *Australian Institute of Social Relations (AISR)* di Adelaide, Australia yang telah menerima penyertaan empat (4) orang pegawai ISM untuk mengikuti kursus di institut berkenaan pada 22 hingga 28 Oktober 2023

yang lalu. ISM merupakan agensi Kerajaan pertama di dunia yang menyertai latihan di AISR. Syabas saya ucapkan.

13. Lanjutan daripada kerjasama ini, bagi tahun 2024, ISM akan menggiatkan lagi usaha untuk melebarkan jaringan kolaborasi strategik di peringkat antarabangsa khususnya dengan beberapa institusi pendidikan dan latihan di peringkat rantau Asia Tenggara atau ASEAN.

YBhg. Dato-Dato', Datin-datin, puan-puan dan tuan-tuan,

14. Oleh itu, besarlah harapan saya agar segala bentuk penglibatan, kerjasama dan jalinan erat di antara semua pihak diteruskan dan digembling untuk membentuk suatu hubungan yang signifikan bagi faedah jangka panjang kepada KPWKM, ISM dan pihak-pihak yang terlibat kerana saya berkeyakinan setiap yang diusahakan secara bersama sudah pasti akan membuahkan hasil yang lebih baik ibarat kata pepatah “asal ditugal ada benihnya”.
15. Akhir kata, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah sekali lagi kepada pihak ISM terhadap penganjuran Majlis

Apresiasi “Semurni Usaha” Bersama Rakan-Rakan Strategik Institut Sosial Malaysia (ISM) ini. Semoga segala usaha, kerjasama dan jalinan yang terbina ini akan terus berkekalan.

Kail jelawat umpan Jerami
Dulang suasa diampu tangan
Jalinan erat kekal bersemi
Budi dan jasa jadi sanjungan

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
30 November 2023